



**SURAT PEMBERITAHUAN  
JABATAN PERBENDAHARAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BIL: 1 /2011**

Kepada:  
Setiausaha-Setiausaha Tetap; dan  
Ketua-Ketua Jabatan  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**(Sila Lihat Pembahagian)**

**TAKLIMAT PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN BAGI PEPERIKSAAN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN BRUNEI (B.A.S) DAN PEGAWAI-  
PEGAWAI KERAJAAN DALAM BAHAGIAN II KE ATAS**

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita merujuk Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 8/2011 bertarikh 22 Oktober 2011 mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita memaklumkan bahawa peperiksaan Pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S) dan Pegawai-Pegawai Kerajaan akan diadakan pada 6 Disember 2011.
3. Sehubungan dengan itu, sukacita memohon kerjasama pihak Pengiran Dato / Pehin / Dato / Datin / Tuan / Puan supaya akan dapat memaklumkan kepada pegawai-pegawai di Kementerian/Jabatan masing-masing bahawa Jabatan ini akan mengadakan taklimat Peraturan-Peraturan Kewangan bagi pegawai-pegawai yang akan menduduki peperiksaan berkenaan pada tarikh, jam dan tempat seperti dibawah:-

SESI	TARIKH DAN JAM	TEMPAT
PERTAMA	Hari Rabu 20 Zulhijjah 1432 bersamaan 16 November 2011 Jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang	TINGKAT 1, DEWAN TEATER, BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN
	Hari Khamis 21 Zulhijjah 1432 bersamaan 17 November 2011 Jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari	
KEDUA	Hari Rabu 27 Zulhijjah 1432 bersamaan 23 November 2011 Jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang	
	Hari Khamis 28 Zulhijjah 1432 bersamaan 24 November 2011 Jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari	

4. Sukacita memaklumkan juga bahawa taklimat Peraturan Kewangan ini nanti adalah terhad kepada tiga ratus (300) orang sahaja di dalam satu sesi secara *first come first serve*.
5. Bagi sebarang pertanyaan, pihak Pengiran Dato / Pehin / Dato / Datin / Tuan / Puan bolehlah menghubungi **Unit Perkhidmatan Pelanggan dan Latihan, Jabatan Perbendaharaan** melalui talian telefon **2383482**.
6. Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman dan perhatian pihak Pengiran Dato / Pehin / Dato / Datin / Tuan / Puan mengenainya.



**[ HAJI ZAKARIA HAJI SERUDIN ]**

Pemangku Jurukira Agung  
Jabatan Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : JPKK/A/6  
Tarikh : 3 Zulhijjah 1432  
31 Oktober 2011